

12 MAR 1999

Syed Hamid-Singapura

RUNDINGAN PERINGKAT PEGAWAI M'SIA-S'PURA BULAN INI

KOTA TINGGI, 12 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata rundingan peringkat pegawai bagi menyelesaikan isu-isu dua hala secara pakej antara Malaysia dan Singapura akan diadakan bulan ini.

"Lebih cepat ia dapat dilakukan lebih baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan serentak mesyuarat agung cawangan Pemuda dan Wanita Umno Bahagian Kota Tinggi di Tanjung Sedili, dekat sini, semalam.

Syed Hamid ialah Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi.

Beliau berkata Ketua Setiausaha Kementerian Luar akan mengetuai rombongan Malaysia untuk semua rundingan peringkat pegawai dengan Singapura.

"Terpulanglah kepada para pegawai. Biarkan pegawai-pegawai berunding dan membincangkan perkara-perkara yang perlu... baru kita tahu apa perkara yang boleh kita putuskan antara satu sama lain. Kalau ada apa-apa, mereka akan lapor kepada peringkat menteri," kata Syed Hamid.

Bulan lepas, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dilaporkan sebagai berkata Singapura kini menunggu keputusan Malaysia untuk menetapkan tarikh yang sesuai bagi memulakan rundingan pakej dua hala yang menyentuh pelbagai isu antara kedua-dua negara.

Semasa sidang kemuncak ASEAN di Hanoi Disember lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Goh bersetuju untuk berunding dan menyelesaikan segala isu dua hala sebagai satu pakej.

Perbalahan diplomatik tercetus pada Julai lepas apabila Singapura memberitahu Malaysia bahawa Kuala Lumpur tidak mempunyai kuasa yang sah terhadap operasi pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Stesen Keretapi Tanjong Pagar selepas Singapura memindahkannya ke Woodlands.

Selain itu, kedua-dua negara juga berbalah berhubung isu dakwaan pencerobohan pesawat Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) ke ruang udara Malaysia dan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung.

Ketika ditanya sama ada beliau yakin isu-isu dua hala yang menyentuh kedua-dua negara dapat diselesaikan dalam tahun ini, Syed Hamid berkata: "Saya tidak dapat menjawab berdasarkan kepada hipotesis. Saya mahu selesaikan secepat mungkin supaya kita dapat bergerak kepada perkara-perkara lain."

Bagaimanapun, beliau berkata terpulanglah kepada kedua-dua negara untuk menyelesaikan isu-isu dua hala yang wujud tetapi tidak harus ada sebarang tekanan oleh mana-mana pihak dalam mencari penyelesaian.

"Yang penting sekarang ialah sudah ada hasrat untuk mencari penyelesaian. Biarlah ia dibincangkan dalam keadaan tenang," katanya.

-- BERNAMA

MKO NMO